

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembelajaran bahasa asing bukan lagi satu fenomena yang asing di Malaysia. Ianya telah diberi perhatian secara serius oleh kerajaan Malaysia semenjak tahun 1960-an lagi, di mana kursus-kursus bahasa asing telah ditawarkan di peringkat institusi pengajian tinggi dan di peringkat sekolah.

Melalui pembelajaran bahasa asing, kerajaan Malaysia mempunyai agenda dan misi tersendiri dalam visi melengkapkan negara menjadi negara maju yang globalisasi. Dasar dan objektif kerajaan melalui pembelajaran bahasa asing ini adalah untuk:

1. Menambahkan satu lagi kemahiran berbahasa selain berkebolehan dalam bahasa ibunda iaitu Melayu dan juga bahasa Inggeris.
2. Menambahkan pengetahuan tentang budaya bahasa asing yang dipelajari tersebut.
3. Berpeluang mempelajari teknologi yang digunakan di negara-negara berkenaan.
4. Berpeluang bekerja dengan syarikat-syarikat negara asing di Malaysia.

5. Menggalakkan pelajar melanjutkan pelajaran di negara-negara bahasa berkenaan.
6. Menyiapkan Malaysia ke arah negara multilingual.

Cabaran mempelajari bahasa asing telah disahut oleh masyarakat Malaysia sebagaimana pendapat Sew, J. W. (1998).

"Komunikasi antara budaya kini merupakan suatu aspek yang penting bukan sahaja dalam kajian linguistik tetapi juga dalam alam perniagaan, ekonomi, dan politik. Komunikasi ini menjadi sebahagian daripada saripati sosiobudaya abad ke 21. Desakan global yang semakin ketara menyebabkan setiap orang yang berkecimpung dalam dunia perniagaan, industri, korporat, linguistik dan pendidikan terpaksa memikirkan semula konsep yang ada dan membuat peralihan paradigma sedikit sekiranya mereka tidak mahu ketinggalan era baru."

Sebagai satu contoh implikasi misi ini ialah sebelum tahun 1966, bahasa Jepun (BJ) telah ditawarkan di universiti-universiti tempatan sebagai subjek elektif. Kemudian, secara perlahan-lahan ianya diperkenalkan kepada sekolah-sekolah peringkat menengah pada awal tahun 1980-an. Ianya menjadi bertambah penting lagi setelah Perdana Menteri Dato` Seri Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan Program Dasar Pandang ke Timur pada Julai 1981. Dato` Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981).

"Untuk membangunkan negara, Malaysia haruslah mencontohi dan berkongsi rahsia di sebalik kejayaan dan pengalaman dari Jepun sebagai sebuah negara yang termaju di antara negara-negara termaju di dunia. Contohnya seperti ciri-ciri pengurusan yang baik, semangat ketekunan orang-orang Jepun dan

semangat cintakan tanahair. Sebagai satu langkah untuk mencapai wawasan 2020 dalam menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian, kita haruslah mempelajari teknologi yang tinggi dan etika kerja yang diamalkan oleh Jepun."

Sementara itu, terdapat banyak syarikat Jepun yang bertapak di negara ini dalam usaha kerajaan mengukuhkan ekonomi negara dengan membenarkan negara asing membuat pelaburan di Malaysia. Institusi BJ pertama di Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1982 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, manakala pada tahun 1992 pula, institusi yang kedua telah ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Institusi ini menawarkan program persediaan yang melengkapkan pelajar dengan kemahiran berbahasa Jepun secara intensif sebelum melanjutkan pelajaran ke Jepun dalam pelbagai bidang.

1.2 Latarbelakang Masalah

Pelajar UTM telah dikenal pasti membuat kesilapan penggunaan ayat-ayat BJ yang telah dipelajari disebabkan gangguan daripada bahasa pertama. Seperti yang ditegaskan oleh Lado, R. (1957).

".....that individuals tend to transfer the form and meaning and distribution of forms and meaning of their native language and culture to the foreign language and culture, both productively when attempting to speak the language and receptively when attempting to grasp and understand the language as practiced by native...."

Jadual 1.1

Soalan: Sejauh manakah anda faham percakapan guru pada awal pembelajaran fizik, kimia dan matematik dengan menggunakan BJ ?

Subjek	Lansung Tidak Faham	Faham Sedikit	Faham Secara Kasar	Faham Kesemua	Jumlah
Fizik	0	17	56	14	87
Kimia	0	20	63	5	88
Matematik	7	43	38	2	90

1.3 Penyataan Masalah

Untuk penyelidikan ini, satu lagi soal selidik telah dijalankan terhadap 86 orang pelajar sesi 98/99 PPKTJ untuk mengetahui tahap penguasaan ayat-ayat bersyarat bahasa Jepun (ABBJ) yang telah dipelajari pada peringkat pembelajaran asas BJ. Data analisa yang ditunjukkan pada **Graf 1.1** mendapati 35.5% daripada 86 orang pelajar membuat kesilapan terhadap penggunaan ABBJ yang telah dikemukakan pada **Jadual 1.2**. Ini menunjukkan lebih kurang satu pertiga daripada 86 orang pelajar masih lemah dan tidak dapat menguasai cara penggunaan ABBJ dengan sepenuhnya.

Jadual 1.2

Soalan ABBJ yang telah dikemukakan.

Eki ni _____, denwa o kakete kudasai.

→ Jika sudah sampai di stesen kereta api, sila telefon.


a. tsuitara

b. tsukunara

c. tsukuto

Graf 1.1

Taburan Kekerapan Pilihan Jawapan.



Pada **Graf 1.1**, pilihan jawapan yang dihitamkan pada graf iaitu a, mewakili jawapan yang betul bagi soalan yang telah dikemukakan pada **Jadual 1.2**. Penyelidik mendapati peratus purata jawapan yang diberi menunjukkan kebanyakan pelajar masih lemah dan tidak dapat menguasai cara penggunaan ABBJ. Berdasarkan perbezaan antara 'connectives' iaitu penyelidik memperkenalkannya sebagai 'kata penghubung' dalam BJ dan bahasa pertama, bahasa Melayu, selain daripada sukar untuk difahami, pelajar-pelajar juga menghadapi masalah untuk membezakan setiap fungsi kata penghubung yang terdapat dalam ABBJ. Kenyataan ini disokong oleh Masuoka (1993).

"Research of Japanese Language Conditional Sentences is one of the most difficult subjects in Japanese Language Grammar Research. There is no doubt in Japanese Language, Conditional Sentences have a variety of connectives which to make proper use of Conditional Sentences difficult. Based on this situation, for foreign language learners, Japanese Language Conditional Sentences is too difficult to understand and to use it."

1.4 Hipotesis Penyelidikan

Seerti yang sedia maklum kata penghubung yang terdapat dalam ayat-ayat bersyarat bahasa Melayu (ABBM) seperti **jika**, **jikalau**, **sekiranya** dan **andaikata** dan sebagainya mempunyai kesamaannya antara satu sama lain. Kesemuanya boleh digunakan pada situasi yang sama tanpa mengubah maksud yang ayat apabila digunakan. Sebaliknya kata penghubung dalam ABBJ iaitu **To**, **Ba**, **Tara** dan **Nara** yang mempunyai fungsi penggunaan yang berbeza bergantung kepada situasi semasa menggunakannya tetapi masih lagi mempunyai maksud yang sama.

Hipotesis yang akan dikenal pasti dalam penyelidikan dengan menggunakan hipotesis Analisis Kesilapan ialah pelajar BJ menghadapi masalah membuat perbezaan ABBJ disebabkan gangguan oleh bahasa pertama.

1.5 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidikan ini diharapkan dapat membantu pengajar-pengajar BJ memperbaiki mutu pengajaran ABBJ dalam usaha untuk menyediakan generasi pelajar yang akan dapat menguasai bahasa ini dengan baik.

Penyelidikan ini juga akan dapat memberi garis panduan tentang strategi yang perlu diterapkan untuk mewujudkan suasana penguasaan pembelajaran ABBJ dengan lebih berkesan.

Dapatan penyelidikan akan dapat mengatasi kelemahan pengajar-pengajar BJ dalam cara penyaluran pembelajaran ayat-ayat bersyarat. Ia juga diharapkan akan dapat dijadikan rujukan mengenai jenis kesilapan dan kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran ABBJ dan mengapa ianya terjadi. Sebagaimana kata Jamaliah Mohd. Ali (1990).

“Perhatian atau penelitian terhadap kesilapan atau kesalahan-kesalahan bahasa amat berguna untuk pihak-pihak yang terlibat langsung dalam proses menggunakan penelitian ini untuk memperbaiki cara mengajar dan pelajar pula dapat mencari atau mengenal pasti kesilapan-kesilapan atau kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan.”

1.6 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini akan cuba mengenal pasti jenis-jenis kesalahan dan kesilapan dan kekerapan setiap kesalahan ini dilakukan dalam pemerolehan pembelajaran BJ sebagai bahasa asing.

Pada akhir penyelidikan, penyelidik akan cuba untuk menyenaraikan cadangan yang relevan untuk membantu pengajar-pengajar BJ dalam usaha mengatasi kelemahan penguasaan pelajar terhadap ABBJ.

1.7 Batasan Penyelidikan

Sampel penyelidikan merupakan pelajar Melayu tahun akhir sesi 98/99 di PPKTJ. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang menggunakan buku **Shokyu Nihongo, Tokyo Gaidai Ryugakuse Centre (SNTGRC)** dan **Chukyu Nihongo, Tokyo Gaidai Ryugakuse Centre (CNTGRC)** sebagai buku teks utama dalam pembelajaran asas BJ selama 638 jam secara intensif.

Rasional pemilihan pelajar berasaskan penggunaan buku-buku teks ini ialah kerana buku-buku ini merupakan antara buku teks peringkat asas yang merangkumi keempat-empat kata penghubung dalam ABBJ.

1.8 Kesimpulan Setiap Bab

1.8.1 Bab 1: Pengenalan

Bab ini adalah bab pengenalan kepada penyelidikan ini. Bab ini akan membincangkan mengenai latarbelakang masalah, pernyataan masalah, hipotesis penyelidikan, kepentingan penyelidikan, objektif penyelidikan dan batasan penyelidikan.

1.8.2 Bab 2: Sorotan Kajian Lepas

Bab ini akan membincangkan teori Analisis Kontrasitif dan Analisis Kesilapan. Bab ini juga merupakan bab pengenalan kepada ABBJ yang menggunakan rumusan Nakamura, T. (1992) dan Iori, I., Takanashi, S., Takanashi, K. dan Yamada, T. (2000).

1.8.3 Bab 3: Metodologi

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang sampel penyelidikan, kaedah pengumpulan data yang meliputi instrumen penyelidikan. Penyelidik juga akan menjelaskan bagaimana data dianalisa dengan menggunakan peratus kesilapan yang telah dilakukan oleh para responden.

1.8.4 Bab 4: Analisis Data

Bab ini akan membincangkan empat objektif, iaitu :

1. Analisa peratus kesilapan meliputi setiap fungsi kata penghubung.
2. Analisa peratus kesilapan meliputi setiap kata penghubung.
3. Analisa tahap penguasaan pelajar bagi setiap fungsi kata penghubung dan meliputi setiap kata penghubung. Bagi tujuan penganalisan penguasaan ini, jadual/skala pemberian markah oleh Sekolah Menengah Atas (Kerajaan) yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan akan digunakan sebagai panduan.
4. Analisa dua jenis kesilapan iaitu kesilapan intralingual dan kesilapan interlingual.

1.8.5 Bab 5: Kesimpulan

Tujuan bab ini adalah untuk membuat kesimpulan dan melihat apakah kesilapan yang dilakukan oleh responden-responden dalam penggunaan ABBJ. Oleh itu perbincangan dalam bab ini bertumpukan kepada :

1. Faktor-faktor penyebab mengapakah berlakunya kesilapan apabila responden-responden menggunakan ABBJ.
2. Samada penyelidikan ini menepati hipotesis yang disarankan di dalam penyelidikan ini.
3. Memberikan beberapa cadangan untuk memperbaiki tahap kefahaman dalam pembelajaran ABBJ.
4. Cadangan penyelidikan akan datang.